

# Perkongsian bestari UPM-MPSJ

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
ashriq.ahmad@utusan.com.my

**B**AGI memastikan kelangsungan sebuah persekitaran yang hijau, tidak tercemar serta aman untuk didiami, pastinya pelbagai usaha serta langkah-langkah yang proaktif perlu dilaksanakan.

Pastinya segala perlaksanaan penguatkuasaan serta pemantauan datangnya dari pihak yang berwajib serta bertanggungjawab.

Sejak dengan itu, usaha sama Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi mencapai matlamat berkenaan amat dipuji

Menurut Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya, Datuk Adnan Md. Ihsan, usaha sama MPSJ bersama UPM telah lama terjalin erat namun melalui beberapa lagi perjanjian yang ditanda tangani mampu mengerakkan lagi hubungan kerjasama tersebut.

Jelas Adnan, ia merupakan satu sistem pengurusan yang strategik bagi mewujudkan usaha yang lebih sinergi, cekap, dan efektif.

"Menerusi perkongsian bestari, gabungan idea, tenaga, dan kebakaran telah dapat di sepakukan bersama rakan-rakan strategik MPSJ," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi Program Bestari antara MPSJ dan UPM di Petaling Jaya baru-baru ini.

Pada majlis tersebut beliau mewakili MPSJ manakala UPM diwakili Timbalan Naib Canselor Industri dan Perhubungan Komuniti, Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

Sehingga tahun 2010, sebanyak 85



ADNAN Md. Ihsan (kiri) bersama Tai Shzee Yew menandatangani MoU kerjasama antara pihak MPSJ dan UPM di Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

program perkongsian telah dilaksanakan bersama 103 buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Sementara itu, bagi pihak UPM, kerjasama tersebut amat dialu-alukan malah ia merupakan tanda komitmen antara MPSJ dan UPM dalam membentuk hubungan strategik di antara kedua-dua belah pihak.

Usaha sama tersebut juga merangkumi sembilan bidang utama iaitu Khidmat Komuniti, Alam Sekitar, Kejuruteraan, Bandar Hijau dan Sumber Maklumat.

Seterusnya, Bandar Selamat, Pembangunan Modal Insan, Perkhidmatan

Perbandaran dan Pengindahan Persekitaran.

Malah pelbagai program akan diadakan bagi tujuan tersebut antaranya adalah Program Kemiskinan Bandar dan Keusahawanan, Program Perbandaran Lestari, Program Keselamatan Jalan Raya, Program Bangunan Hijau, Program kawalan Denggi dan pelbagai lagi.

UPM di bawah Fakulti Perhutanan menawarkan MPSJ program-program seperti penyelidikan, pendidikan, perundingan dan perkhidmatan dalam bidang perhutanan mengikut peranan dan kepentingan masing-masing.

**Bagi pihak UPM, kerjasama tersebut amat dialu-alukan malah ia merupakan tanda komitmen antara MPSJ dan UPM dalam membentuk hubungan strategik di antara kedua-dua belah pihak. dan mulut yang besar**

Selain Fakulti Perhutanan, UPM turut dibantu fakulti lain antaranya, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Reka Bentuk dan Senibina serta fakulti Kejuruteraan.

Shzee Yew, berkata, inisiatif kerjasama tersebut dilihat akan memberi peluang kerjasama antara kedua-dua pihak dalam memastikan kelestarian persekitaran sentiasa berada dalam keadaan sihat dan selesa.

"Ia juga penting dalam menjamin kualiti hidup yang tinggi seperti yang diharapkan oleh kerajaan dan yang paling utama adalah rakyat dan masyarakat setempat," ujarnya.

Sebelum ini, aktiviti kerjasama antara UPM dan MPSJ banyak tertumpu di kawasan Hutan Penyelidikan dan Pendidikan UPM iaitu Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.

Melalui perjanjian tersebut, UPM dan MPSJ akan terus bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional.